

SIARAN AKHBAR**UNTUK SIARAN SEGERA****KERJA - KERJA PEMBAIKAN AKAN BERMULA SELEPAS SIASATAN
MENYELURUH SELESAI.**

~ ANIH Berhad Lakukan Pemantauan Dari Semasa ke Semasa Di Lokasi~

KUALA LUMPUR, 11 SEPTEMBER 2023 – ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) telah mengambil langkah-langkah segera untuk memantau secara visual dalam usaha menangani isu kegagalan tambakan projek tebatan banjir Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1) di km 118.2 ke km 117.8 arah ke Kuala Lumpur dengan menempatkan kakitangan operasi sepanjang 24 jam lalu di tempat kejadian.

Setakat ini, tiada pergerakan baharu yang direkodkan di kawasan kejadian namun, pihak syarikat dengan kerjasama kontraktor telah menempatkan penanda enapan (*settlement marker*) bagi meneruskan pemantauan keadaan semasa.

Pada waktu siaran, ANIH Berhad serta pihak perunding sedang menjalankan kajian terperinci untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian. Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan segera oleh pihak kontraktor setelah penyiasatan tapak secara menyeluruh selesai dilakukan dan cadangan pembaikan yang bersesuaian dikemukakan oleh pihak jurutera perunding.

Berdasarkan siasatan awal yang dijalankan pihak syarikat, terdapat kejadian resapan air bawah tanah di tapak projek yang menyebabkan runtuh cerun tambak (fill slope) di kawasan kerja-kerja tebatan banjir dan mengakibatkan rekahan di permukaan jalan di antara KM118.2 ke KM117.8 melibatkan lorong kecemasan dan sebahagian lorong perlahan.

Sebagai langkah segera, ANIH Berhad telah menutup sepenuhnya laluan ke Kuala Lumpur dan mengaktifkan sistem laluan kontra dari KM 116.5 sehingga KM 119.4 di laluan timur pada jam 4.15 petang semalam dengan kerjasama dua pasukan ERT dan pihak IPD Temerloh bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku di lokasi.

Para pengguna dinasihati untuk merancang perjalanan mereka dan memandu secara berhati-hati serta mematuhi arahan petugas dilokasi.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@LlMtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia) . Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88- 7752.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (ECE 1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

Hubungi Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan

Noorfarizan Lod (Izan)
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
Mobile: 019 888 9140
Email: noorfarizan.lod@mtdgroup.com.my

Mohamad Syukri Saringat
Pengurus
Mobile: 012-913 8245
Email: syukri.saringat@mtdgroup.com.my